

19/06/1999

Amanat Presiden pembuka mata

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemimpin veteran Umno menyifatkan amanat Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai ucapan yang membuka mata serta mengukuhkan perpaduan parti.

Mereka sependapat bahawa ucapan Perdana Menteri itu adalah yang terpanjang serta paling `mendedahkan' oleh seorang Presiden Umno.

Veteran Umno, Datuk Rais Yatim, menyifatkan ucapan itu sebagai satu proses pembersihan serta mampu `membersihkan' Umno serta kepemimpinannya daripada sebarang tohmahan mana-mana pihak.

"Ucapan Presiden Umno itu saya anggap yang paling panjang, yang jelas menunjukkan Umno bersedia dalam erti kata sebenar untuk pilihan raya akan datang," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Rais berkata, ucapan Dr Mahathir itu menegakkan imej, reputasi dan masa depan Umno menghadapi pilihan raya.

"Ia memberi keyakinan kepada anggota supaya tidak lagi menoleh tetapi terus berjuang menghadapi pilihan raya," katanya.

Mengenai penjelasan Presiden Umno itu mengenai isu Anwar, beliau berpendapat ahli parti tidak perlu lagi berasa sangsi dengan kepimpinan Umno.

"Dr Mahathir mengisytiharkan apa yang sebenarnya berlaku. Bagaimanapun saya kira jumlah rakyat yang tidak percaya masih ada dan tidak dapat diketepikan.

"Bagaimanapun, pendirian Umno sebagai satu parti harus lebih kukuh dengan penjelasan ini," katanya.

Bekas Timbalan Presiden Umno, Tun Ghafar Baba, berkata penerangan daripada presiden hari ini sangat bertepatan masanya dan tentunya akan mendapat sokongan rakyat terbanyak.

"Saya yakin Umno akan lebih kuat dan dapat sokongan yang lebih besar berbanding dengan masa lalu," katanya.

Menurutnya, pembangkang tidak mendapat sokongan rakyat kerana mereka hanya mengikut formula Barisan Nasional (BN), 50 tahun lalu.

"Saya percaya jika ahli Umno bekerja lebih kuat, BN akan mendapat kejayaan yang lebih besar," katanya.

Bekas Ketua Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata ucapan Dr Mahathir itu perlu diambil iktibar oleh golongan Pemuda dalam Umno untuk terus berjuang mempertahankan nasib orang Melayu di negara ini.

Beliau berkata, Pemuda Umno sebagai tiang utama parti itu di negara ini perlu meningkatkan usaha untuk mempengaruhi tingkah laku golongan terbabit.

"Ucapan itu ditujukan kepada orang muda, maka mereka harus sedar kerana merekalah pewaris kepimpinan generasi akan datang Umno," katanya.

(END)